

MEDIA SEBAGAI ALAT PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI INDONESIA: PENDEKATAN SISTEM

Asiah Sarji¹, Erman Anom², Amir Syahrudin Harahap¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fikom Universitas INDONUSA Esa Unggul, Jakarta
Jl. Arjuna Utara Tol Tomang Kebun Jeru, Jakarta 11510
erman.anom@indonusa.ac.id

Abstrak

Sejarah media massa terutama media, yang membangunkan persepsi keislaman, telah dimulai sejak masa Kebangkitan Nasional (1920) iaitu seiring dengan berdirinya pelbagai sarikat Islam seperti Sarikat Dagang Islam dan Muhammadiyah. Media bercorak keislaman pada masa itu di antaranya *Pandji Islam* dan *Suara Muhammadiyah* yang terbit 1 Januari. Sementara itu, Media Islam yang terbit sejak terbit 2 Januari 1954 di Jakarta hanyalah *Duta Masyarakat* yang dipimpin oleh M. Jusuf Hasjim. Penerbitan majalah pula seperti *Gema Islam*, *Kiblat* (mulai terbit 20 Mei 1953), dan *Pandji Masyarakat* hanya muncul di pertengahan kurun kedua puluh.. Malah dari saat tersebut hingga masa Orde Baru, hanya *Pandji Masyarakat* yang bertahan. Namun, pada sekitar 1980-an, *Pandji Masyarakat* berhenti terbit karena ketiadaan modal. Kemudian di awal tahun 1970-an, wujud *Pelita* sebagai media Islam, tetapi kerana ketiadaan modal dan sumber tenaga manusia terlatihnya terhad, maka penerbitannya juga tergendala sehingga di awal kurun ke 21 ini ia diterbitkan semula walaupun kewujudannya tidak cukup berwibawa. Sedangkan sistem media cetak di Indonesia dibentuk dengan belatar belakangkan kerajaan-kerajaan yang mentadbir Indonesia sejak era kolonial Belanda dan Jepang.

Kata Kunci: Media, Pembangunan, Masyarakat

Pendahuluan

Media massa adalah alat interaksi sosial yang memainkan berbagai peranan penting dalam masyarakat terutama sebagai alat perantara (McQuail, 1987; Schramm, 1956). McQuail (1987) misalnya menjelaskan peranan sebagai perantara ini menyebabkan media menjadi jendela pengalaman yang meluaskan pandangan dan memungkinkan masyarakat memahami lingkungan persekitarannya. Merrill, Lee, & Friedlander (1994) media massa adalah cermin yang memantulkan citra masyarakat terhadap masyarakat itu sendiri. Seterusnya mereka menekankan media massa boleh membentuk suatu imej daripada suatu peristiwa mahupun suatu negeri, kepada pembaca. Malah Merrill, Lee, & Friedlander (1994) percaya media massa boleh menguasai kehidupan manusia. Ini kerana menurut mereka; *It would be difficult to imagine life without mass media. Media inform us. Media entertain us. Media invade our lives. And yet media, the instruments of*

mass communication, are relatively new development in the long thread of civilization. (1994:53)

Keyakinan ilmuan tersebut terhadap media ini juga dikongsikan dengan Martin, dan Chaudhary (1983) yang juga mengungkapkan bahawa tanpa media massa, interaksi sosial, politik dan ekonomi tidak wujud di dalam masyarakat menurut ukuran moden. Dalam hal ini McQuail (1987) melukiskan, kedudukan media massa berada di antara dua lapisan sosial, iaitu lapisan atas dan lapisan bawah. Dengan demikian, media massa menjadi penghubung, bahkan bahagian yang menyatu pada sistem-sistem yang wujud di dalam sesebuah negara.

Proses interaksi antara media dengan masyarakat sentiasa saling mempengaruhi. McQuail (1987) mengungkapkan adanya kebergantungan timbal-balik antara institusi yang memegang kekuasaan dan integriti media terhadap sumber kekuasaan sosial dan otoriti.

Kerana itu sejak media cetak diwujudkan, ia menjadi alat yang ingin dikuasai oleh ramai pihak seperti peniaga, kerajaan tempatan, ahli-ahli politik, malah pengembang agama. Apabila kerajaan Barat menjajah negara-negara dunia ketiga, media salah satu alat yang digunakan untuk membantu mencapai matlamat penjajahan mereka, malah menurut Asiah (1996), faktor inilah juga yang menyebabkan mereka memperkenalkan media di negara-negara membangun.

Apabila negara-negara yang itu dijajah itu merdeka, para pemimpin di negara-negara ini mula menguasai media ini untuk memenuhi kepentingan perjuangan politiknya. (Asiah, 1996) Sistem media yang disesuaikan dengan persekitaran politik dan budaya di negara-negara berkenaan diwujudkan, termasuk di negara-negara Islam di Timur Tengah, Afrika dan Asia seperti negara Indonesia. Persoalannya adalah, sejauhmanakah negara-negara ini bertindak balas terhadap teknologi baru penyebaran maklumat itu dalam konteks ini teknologi media cetak. Andaiian kami adalah, agama Islam adalah agama yang diberikan fungsi untuk menyeru umatnya menjadi penganut yang beriman dan menahan umatnya daripada melakukan sesuatu yang bertentangan dengan suruhan Allah S.W.T. Sedangkan di dalam agama lain, seperti Kristian, kesedaran tentang kepentingan media ini wujud dengan jelas seperti yang ditemui oleh Asiah Sarji (1996) dalam kajian beliau mengenai pembangunan penyiaran di Negara-negara Dunia Ketiga. Malah kajian beliau menemui, pendakwah-pendakwah agama Kristian terlibat secara langsung dalam aktiviti pengenalan dan pembangunan media di negara-negara membangun.

Kertas ini cuba menelusuri isu ini dengan mengambil Indonesia sebagai kes kajian dan menelitinya dengan menggunakan pendekatan sistem. Mengapa memilih negara Indonesia?

Pembahasan Indonesia, Islam dan Media

Indonesia dikenali sebagai negara yang termasuk memiliki kumpulan penduduk beragama Islam terbesar di dunia Indonesia adalah sebuah negara Islam yang mempunyai hampir 250 juta rakyat yang mana hampir 90 peratus daripadanya adalah beragama Islam. Sisanya menganut agama-agama lain seperti agama Kristian Protestan 5 peratus, Katolik Roma 3 peratus, Hindu 2 peratus, Budha 1 peratus dan pemeluk

kepercayaan lain sebanyak 1 peratus ([//www.odci.gov/cia/publications/feetbook/geos/id.htm](http://www.odci.gov/cia/publications/feetbook/geos/id.htm)).

Dari segi media cetaknya pula Indonesia adalah antara negara tertua di rantau ini yang menerima teknologi baru media cetak. Sejak tahun 1774 lagi media cetak terutama media berkembang pesat di Indonesia dan sejak zaman pergerakan tahun 1905 kaum Islam sudah menggunakan media cetak sebagai alat perjuangan. Sifat-sifat perkembangan media cetak Islam ini berbeza di antara satu dengan yang lain. Secara khusus, persoalan yang diutarakan oleh kertas ini ialah bagaimanakah media cetak Islam berkembang dalam sistem media Indonesia yang dikatakan memberi penekanan kepada media yang sihat, bebas dan bertanggung jawab dalam batasan interaksi positif antara pemerintah, masyarakat, dan media itu?

Pembangunan Media yang Berorientasikan Islam di Indonesia

Umat Islam sebagai kumpulan penduduk terbesar di Indonesia telah berinteraksi dengan media massa sejak zaman pengenalannya. Bahkan, menyedari peranan media massa yang begitu besar, beberapa kelompok umat Islam di Indonesia terus memperkembangkan media massa untuk menampung aspirasi menyebarkan syiar agama Islam (Panji Masyarakat).

Namun disebabkan proses pembangunan media cetak di zaman Soekarno dikatakan berlangsung secara menyeluruh tidak membezakan antara perkembangan media Islam dengan media bentuk lain. Media diharuskan berideologi selari dengan ideologi parti politik yang memerintah pada waktu itu. Pendekatan umum yang berpaksikan kepada kerajaan yang memerintah ini juga diamalkan di zaman Soeharto. Perkembangan media berlangsung dengan pesat, namun terdapat kawalan dalam pembangunan media dan media kerana media harus mentaati Undang-Undang Pokok Media. Dengan kata lain terdapat keterbukaan dalam pengendalian sistem media dalam konteks agama selagi tidak bercanggah dengan ideologi dan landasan system pentadbiran politik.

Sistem dan Sistem Media di Indonesia

Sistem berdasarkan takrifan kamus memiliki erti cara atau kaedah yang teratur untuk melaksanakan sesuatu. Selain itu sistem juga

membawa makna, kumpulan atau beberapa bahagian (alat atau perkara-perkara lain) yang sama-sama bekerja untuk mencapai sesuatu matlamat secara sistematik. (Kamus Bahasa Malaysia Baru, Minerva Publications, 1996). Berasaskan takrifan tersebut, kertas ini memegang takrif bahawa sistem adalah kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu yang berasaskan landasan atau keadaan yang berbagai. Di Indonesia, unsur-unsur kepelbagaian ini sangat ketara terutama yang berkait dengan etnik, kawasan, bahasa dan ideology, namun dari segi agama kedudukan negara Indonesia itu lebih homogen. Dari mata kasar tidak sepatutnya wujud kekangan yang besar dalam pembangunan sistem media yang berunsurkan Islam.

Sistem media cetak di Indonesia dibentuk dengan berlatar belakangkan kerajaan-kerajaan yang mentadbir Indonesia sejak era kolonial Belanda, Jepun, era perjuangan kaum Nasionalis, era kepimpinan Soekarno, dan era kepimpinan Soeharto.

Kajian Erman (2005) menyimpulkan bahawa negara penjajah yang paling kuat memberikan asas sistem media di Indonesia adalah kolonial Belanda. Di bawah penjajahan Belanda, selain kepentingan perdagangan, unsur-unsur kepentingan politik dan pengukuhan kuasanya sangat diberi perhatian dalam membangunkan dan menguat - kuasakan sistem medianya.

Sifat perkembangan sistem yang sedemikian membuatkan penjajah Belanda mewujudkan berbagai rintangan dan hambatan dalam bentuk pengawasan ke atas media-media di Indonesia, sama ada berbahasa Indonesia, Cina, maupun Belanda. Caranya adalah dengan membuat undang-undang jenayah Belanda yang memberi hukuman berat penyiaran kata-kata, surat atau gambar, secara langsung atau tidak langsung, secara terbuka atau sembunyi-sembunyi seperti maklumat yang boleh mewujudkan kekacauan, ketenteraman awam dan aktiviti menjatuhkan kerajaan Hindia Belanda, atau secara terang-terangan melahirkan rasa permusuhan, kebencian, atau kritik terhadap kerajaan. Sekiranya dilakukan kerajaan boleh menamatkan lesen terbit media, alasan yang kerapdiberikan adalah untuk menjaga keselamatan umum, dengan menggunakan Undang-undang 1856 yang sifatnya pengawasan preventif, Undang-undang

1906 yang bersifat refresif, dan Undang-undang Ordonnantie 1931 tentang penamatan lesen media dan wajib lapor barang cetakan media.

Latar belakang sistem media yang sedemikian kekal menjadi latar sistem media di bawah Soekarno dan Soeharto. Sewaktu Pendudukan Tentera sistem dan fungsi media di perkemaskan. Media Indonesia digunakan sebagai alat memobilisasikan orang ramai untuk mencapai matlamat Jepun. Media mengalami kemajuan dalam hal teknis, namun mulai dikenakan lesen penerbitan media, sebagai saranan kawal yang dilakukan penjajah Jepun dengan membuat Undang-undang No. 16. Malah sifat kawalannya tidak jauh berbeza dari penjajah Belanda.

Misalnya dari segi undang-undang ini ada dua segi yang menonjol iaitu berlakunya sistem lesen terbit dan kawalan preventif. Antaranya undang-undang di Pasa 1 adalah menyatakan bahawa semua jenis barang cetakan harus memiliki lesen publikasi atau penerbitan atau lesen terbit. Pasal 2 pula melarang semua penerbitan yang sebelumnya memusuhi Jepun, untuk meneruskan penerbitannya. Jepun melarang penerbitan media Belanda, Indonesia yang anti Jepun, dan media-media berbahasa Cina yang menyerang agresi Jepun terhadap Tiongkok.

Sekiranya penjajah Belanda menyediakan landasan sistem itu,kuasa Pendudukan Tentera Jepun pula memantapkan meneruskan sistem yang ada. Sistem yang sedia ada cukup kukuh untuk digunakan oleh parapejuang perjuangan kaum nasionalis, para pemimpin gerakan nasionalis untuk mengelorakan semangat mencapai cita-cita Indonesia merdeka, media menjadi salah satu alat perjuangan. Media menjadi pemersatu perjuangan dan menjadi penyebaran semangat nasionalisme. Apa yang berbeza adalah pihak yang menerima faedah sistem media itu, iaitu masyarakat dalam negara Indonesia itu sendiri.

Sejarah pembangunan media cetak pada era kepimpinan Soekarno (1945-1956, dan pada 1957-1965) memperlihatkan kemunculan media partisan menjadi alat parti politik yang lebih berorientasi pada kepentingan kelompok, namun di peringkat awalnya media menjadi liberal. Hal ini sehaluan dengan dasar Menteri penerangan Mr. Amir Syarifuddin menegaskan dasar penerangan dan komunikasi nasional bahawa "Pikiran masyarakat adalah landasan pemerintah yang berkedaulatan rakyat. Media yang tidak merdeka

tidak mungkin menyatakan pikiran masyarakat, tetapi hanya pikiran dari beberapa orang yang berkuasa. Maka asasnya ialah media harus merdeka”.

Dalam tempoh ini, 1945-1956 media bebas dalam hal penulisan berita, lidah pengarang, begitu juga dari segi pemilikannya atau komersilnya memang sudah diasuh secara liberal. Setiap orang tidak pandang dari golongan apa, menganut aliran dan ideologi politik mana, asal merasa mampu dapat menerbitkan media dan majalah. Dengan media dan majalahnya para penerbit mengutarakan pendapat dan kemahuan masing-masing. Suasana ini berbeza dengan suasana sistem media sewaktu Indonesia itu dijajah. Suasana ini membolehkan berlakunya penyiaran maklumat tanpa batas sehingga wujud golongan pelampau melakukan huru-hara dan pembertarikan yang implikasinya negara Indonesia di letakkan dalam keadaan darurat perang.

Pada 1957-1965 pembangunan media cetak mengalami kokongan dengan demokrasi terpimpin Soekarno iaitu pada bulan Februari 1957. Kerana alasan ini Soekarno memberlakukan Undang-undang Darurat Perang 14 Mac 1957.

Kepala Staf Angkatan Darat selaku Penguasa Militer pada 14 September 1956 mengeluarkan peraturan Penguasa Militer No. PKM/001/0/1956 yang menegaskan larangan untuk membatasi aktiviti media dan media massa. Kemudian Penguasa Perang Tertinggi pada 12 October 1960 mewajibkan Surat Izin Terbit (SIT) bagi media seluruh negeri Indonesia.

Soeharto menjadi pemimpin negara pada tahun 1966, dasar pembangunan media cetak belajar dari pengalaman zaman sebelumnya. Pengalaman masa lalu mendorongnya untuk melahirkan suatu sistem media yang lebih baik sesuai dengan falsafah yang diyakininya ialah Falsafah Pancasila dan berlandaskan pada Undang-Undang Dasar 1945.

Dalam kepimpinannya, media alat komunikasi politik yang dapat mengukuhkan kuasa kerajaan, dan melaksanakan pembangunan. Malah media dijadikan rakan kongsi yang sihat, bebas dan bertanggung jawab dalam batasan interaksi positif media, kerajaan, dan masyarakat.

Di dalam fabrik latar belakang sistem media yang demikianlah wujudnya hampir 90 peratus khalayak media yang beragama Islam ini. Secara umumnya sistem media yang terbentuk mampu

menyediakan ruang yang selesa untuk media Islam berkembang. Adakah media Islam berkembang dalam tempoh ini? Sekiranya ia, bagaimanakah perkembangan itu berlaku dan dalam bentuk atau sifat yang bagaimana?

Media Islam

Zaim Uchrowi (Herry Muhammad, 1992) melihat media Islam dari dua pandangan. Pandangan pertama adalah media yang menyifatkan dirinya Islam dan menggunakan atribut formal Islam. Pandangan kedua bahawa media yang mengembangkan nilai-nilai Islam, bukannya bendera Islam secara khusus. Ertinya nilai-nilai Islam pasti membawa kebaikan bila dilaksanakan dalam kehidupan. Kertas ini meneliti kedudukan pembangunan media Islam dengan menggunakan landasan takrifan tersebut.

Latar Belakang Islam Di Indonesia

Indonesia terkenal sebagai antara negara yang memiliki penduduk beragama Islam yang teramai. Oleh itu ia memiliki nilai strategis di dunia khususnya di tengah negara-negara Islam (IOC). Walaupun demikian, Indonesia memilih bentuk pemerintahannya sebagai republik, bukan merupakan negara Islam. Indonesia dikenal sebagai negara demokrasi yang berasaskan persatuan (nasionalisme).

Catatan sejarah menyebutkan, Islam mulai berkembang di negeri tersebut, pada abad tahun 1290 di abad ke-13 (Indonesia Sekilas Catatan Tahun Demi Tahun, <http://www.jawapalace.org>). Berdasarkan catatan Sejarah Islam Indonesia Pasai-Aceh, Raja Merah Silu (1275-1297) yang semula penyembah berhala, memeluk Islam dan mengganti nama menjadi Malik Saleh.

Jumlah penduduk Islam yang ramai ini menawarkan tumbuhnya pengamalan budaya Islam. Kebudayaan Islam ini menempatkan manusia sebagai khalifah di muka bumi Allah. Dengan demikian, Islam memberikan kesempatan bagi manusia untuk membangun dunia, melalui kecerdasannya.

Latar Belakang Pembangunan Media Islam di Indonesia

Penduduk Indonesia yang kebanyakannya Islam menggunakan media massa sebagai alat penyatu dan penyalur aspirasi keislaman. Jenis media massa yang sejak lama digunakan untuk menyalurkan aspirasi tersebut ialah media cetak.

Sejarah media massa terutama media, yang membangun persepsi keislaman, telah dimulai sejak masa Kebangkitan Nasional (1920) yaitu seiring dengan berdirinya pelbagai sarikat Islam seperti Sarikat Dagang Islam dan Muhammadiyah. Media bercorak keislaman pada masa itu di antaranya *Pandji Islam* dan *Suara Mubammadijab* yang terbit 1 Januari 1920 (Hoetasoehut, 1971).

Sementara itu, Media Islam yang terbit sejak terbit 2 Januari 1954 di Jakarta hanyalah *Duta Masyarakat* yang dipimpin oleh M. Jusuf Hasjim. Penerbitan majalah pula seperti *Gema Islam*, *Kiblat* (mulai terbit 20 Mei 1953), dan *Pandji Masyarakat* hanya muncul di pertengahan kurun kedua puluh. Malah dari saat tersebut hingga masa Orde Baru, hanya *Pandji Masyarakat* yang bertahan. Namun, pada sekitar 1980-an, *Pandji Masyarakat* berhenti terbit karena ketiadaan modal. Kemudian di awal tahun 1970-an, wujud *Pelita* sebagai media Islam, tetapi kerana ketiadaan modal dan sumber tenaga manusia terlatihnya terhad, maka penerbitannya juga tergendala sehingga di awal kurun ke 21 ini ia diterbitkan semula walaupun kewujudannya tidak cukup berwibawa.

Di awal tahun 1990-an, sebuah syarikat Islam iaitu Ikatan Cendekiawan Islam Indonesia (ICMI) menerbitkan media yang bertemakan Islam bernama *Republika* (terbit 4 Januari 1993). Terbitan *Republika* seiring dengan gairah kebangkitan umat Islam di dalam tempoh tersebut. Sepanjang dekad 1970-an dan 1980-an pada pemerintahan Orde Baru, umat Islam dipinggirkan terutama dalam menyuarakan aspirasinya (dalam hal ini termasuk media cetak bercorak Islam). Berdirinya ICMI menjadi era kebangkitan kembali aspirasi umat Islam Indonesia kerana terdapatnya polisi politik pemerintahan Orde Baru yang lebih lunak.

Dengan iklim yang sedemikian, di pertengahan dekad 1990-an diterbitkan juga majalah *Ummat* sebagai menggantikan majalah *Pandji Masyarakat*. Namun, majalah *Ummat* bertahan hanya dua tahun, kerana ketiadaan dana. Beberapa majalah lainnya yang pernah hidup di dekad 1980-an kembali diterbitkan di antaranya *Sabili*, *Kiblat*, dan *Suara Hidayatullah*.

Tumbangnya rezim Orde Baru (1998) semakin memperbanyak tumbuhnya media massa di Indonesia. Menurut Dini Djalil dan Kathleen (2003), Indonesia yang mengalami perubahan suasana politik yang hebat, iaitu dari peme-

rintahan berbentuk otoriter menjadi demokrasi, mengalami pertumbuhan media massa yang terpanas di ASEAN. Jumlah stesen radio juga bertambah dengan banyanya, dari hanya 798 sewaktu pemerintahan order baru (1998) menjadi 1500 sewaktu di zaman pemerintahan Presiden BJ Habibie. Perkembangan yang sama di rasai oleh bidang televisyen. Dari hanya 5 buah stesen, menjadi 10 buah. Penerbitan media cetak yang semula tahun 1997 sebanyak 264 menjadi ribuan jumlahnya pada tahun 1999 meskipun banyak juga yang berhenti terbit.

Pertumbuhan media yang luar biasa itu berlaku kesan daripada pemansuhan (pencabutan) keperluan surat izin terbit yang dilakukan di zaman pemerintahan BJ Habibie yang berlandaskan system medianya kepada mekanisme pasar (market mechanism).

Malangnya di tengah-tengah fenomena demikian, tidak ada media massa Islam yang baru diterbitkan. Reen dan Djalil (2003) menyebutkan, media massa Islam yang berkembang pesat di awal kurun ke 21 ini adalah media cetak yang sedia ada dan telah sedia wujud iaitu *Republika*, *Sabili* dan *Hidayatullah*.

Republika yang didokong oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) diwujudkan untuk mencapai matlamat membawa aspirasi Islam secara ramah, damai, akrab (*familiar*) dan cerdas. Dengan matlamat demikian, *Republika* dalam pemberitaannya, lebih memposisikan nya sebagai media umum tetapi dengan semangat Islam. Adapun semangat Islam itu berasaskan kepada kebenaran, menawarkan nilai-nilai *rahmatan lil alamin*, dan bersikap tegas apabila kepentingan Islam diusik.

Berbeda dengan *Republika*, *Hidayatullah* mahupun *Sabili* mengutamakan penonjolan atribut Islam, seperti menggunakan bahasa Arab mahupun istilah Islam dalam penulisannya. Pemberitaannya pun menonjolkan fanatisme agama, sentiasa menunjukkan sikap yang tegas dan keras dalam berpihak kepada Islam.

Isu Dalam Pembangunan Media Islam Di Indonesia

Bahkan, pada buku Garis Besar Perkembangan Pers Indonesia (1971) media cetak bercorak Islam seperti *Duta Masyarakat* yang diterbitkan sarikat Islam Nahdhatul Ulama maupun sarikat Islam Muhammadiyah yang menerbitkan *Mertju Suar* bersama media cetak umum lainnya

sama-sama melawan komunis (PKI). Isu semasa pada rezim Orde Lama ialah perlawanan terhadap komunisme.

Permasalahannya di sini bukannya bentuk media Islam yang bagaimana yang telah dan sedang muncul di Indonesia tetapi adakah media Islam berupaya wujud dan berkembang secara konsisten di Indonesia di tengah-tengah rakyat Islamnya yang begitu ramai? Persoalan ini dikemukakan kerana dari segi sejarahnya, media massa Islam di Indonesia memang telah wujud semasa zaman penjajahan lagi. Tetapi sejarah juga menyaksikan bahawa dalam tempoh tersebut banyak media cetak Islam ini wujud dan hilang sama ada kekurangan modal atau sulit untuk berkembang. Sekiranya dilihat dari segi komitmen media-media Islam ini, sejarah juga membuktikan bahawa media-media atau media cetak ini wujud secara sedar oleh kerajaan malah turut membantu aktiviti pembangunannya.

Republika dari sisi pemberitaan menawarkan model pemberitaan yang ramah dan cenderung kepada pengamalan teori tanggung jawab sosial. *Republika* setakat ini mewakili media Islam yang memiliki wibawa dan pengaruh. Pembacanya adalah dari kalangan kelas menengah yang berpendidikan.

Sementara itu media *Sabili* memiliki gaya pemberitaan yang lebih berkecenderungan liberal iaitu bebas mengemukakan pendapat, tidak mengenal kompromi dalam membela atribut dan bendera Islam. Di awal reformasi, *Sabili* sempat memiliki tiras di atas 100.000 eksemplar. Pembacanya diandaikan dari kelompok Islam ber aliran keras.

Sekiranya media cetak berunsur Islam gagal wujud secara konsisten dan berkredibiliti, sementara maklumat masih dan terus dilihat sebagai kuasa dan peluang dalam konteks keagamaan itu, maka misi penyebaran maklumat dan kepercayaan dalam Islam itu tidak dapat dilaksanakan. Kekurangan maklumat dan penguasaan terhadap maklumat itu boleh menyebabkan sesuatu kelompok itu mudah terpengaruh dengan kandungan-kandungan lain dan sekali gus boleh meruntuhkan benteng kepercayaan beragama dan prinsip-prinsip kesatuan dan keamanan dalam Islam.

Kesimpulan

Maklumat dan pendidikan adalah harta individu untuk abad ke 21 ini. Kurang atau

meskin maklumat dan pendidikan, bermakna seseorang itu dilucutkan dari kuasa yang sepatutnya di miliki dalam berhadapan dengan persekitarannya. Umat Islam memerlukan maklumat yang dipakej dengan menggunakan perspektif keislaman itu, atau sekurang-sekurangnya media ini boleh menjadi citra kekuatan umat Islam itu sendiri. Apa yang berlaku adalah berdasarkan kedudukan media Islam di tengah-tengah rentetan sejarah sistem media cetak di Indonesia itu, dapatlah di tunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh media Islam di Indonesia adalah masalah kewangan dan masalah kakitangan yang berkualiti. Kedua-dua faktor ini terus menghantui pembangunan media Islam di Indonesia sejak awal pembangunan sistem media di negara berkenaan. Sedang media lain kerap mendapat sokongan kewangan dari badan-badan di luar negara.

Kenyataan ahli-ahli teori media di awal kertas kerja ini jelas menunjukkan keyakinan mereka yang tinggi terhadap kemampuan media dalam melakukan perubahan, malah sejarah pembangunan sistem media jelata dunia juga sangat jelas membuktikan betapa media massa kerap menjadi rebutan kuasa malah agama-agama lain turut terlibat dalam pembangunan dan pengembangan media jelata ini di seluruh dunia.

Di dunia Islam seperti di Indonesia, media cetak Islam kelihatannya terlalu payah untuk wujud, berkembang dan mempertahankan kewujudannya, walaupun di buminya sendiri. Di cadangkan supaya kajian komprehensif dilakukan untuk mengenal pasti keadaan tersebut.

Daftar Pustaka

- Asiah Sarji, "Perkembangan sistem penyiaran di Malaysia dari tahun 1920-1959", Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Belum diterbitkan) Bangi, 1996.
- A.M. Hoetasoehut, "Garis Besar Perkembangan Pers Indonesia", Sarikat Penerbit Surat kabar, Surabaya, 1971.
- Dini Djalal & Kathleen Ree, "Islamic Media in Indonesia", Kertas kerja dibentangkan di USINDO pada 2hb, Julai 2003.
- Erman Anom, "Dasar dan sistem akbar di era kepimpinan Soeharto", Tesis Doktor Falsafah, Belum di terbitkan. Bangi:

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,
2006.

Smith, E. C, "Sejarah Pembreidelan Pers
Indonesia", Jakarta, 1983.

Herry Muhammad, "Jurnalisme Islam
Tanggungjawab Moral Wartawan
Muslim", Surabaya, 1992.